



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 24 OKTOBER 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>WANITA MYWIRA ACCELERATOR PERKASA 100,000 WANITA MENJELANG 2030</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-mywira-accelerator-perkasa-100,000-wanita-menjelang-2030">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-mywira-accelerator-perkasa-100,000-wanita-menjelang-2030</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/announcement/758820">https://www.malaysiakini.com/announcement/758820</a>	MALAYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/kesuma-lancar-mywira-3-0-sasar-100-000-wanita-kembali-ke-pasaran-kerja">https://www.suarakeadilan.my/post/kesuma-lancar-mywira-3-0-sasar-100-000-wanita-kembali-ke-pasaran-kerja</a>	SUARAKEADILAN.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/10/23/wanita-mywira-accelerator-pacu-pemerkasaan-ekonomi-inklusif-di-bawah-kerangka-ekonomi-madani/">https://www.tvsarawak.my/2025/10/23/wanita-mywira-accelerator-pacu-pemerkasaan-ekonomi-inklusif-di-bawah-kerangka-ekonomi-madani/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2482069">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2482069</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://malaysiabangkit.com/mywira-accelerator-sasar-latih-100000-wanita-menjelang-2030/">https://malaysiabangkit.com/mywira-accelerator-sasar-latih-100000-wanita-menjelang-2030/</a>	MALAYSIABANGKIT.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2481979">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2481979</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/10/23/wanita-mywira-accelerator-to-train-100000-women-for-future-ready-jobs">https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/10/23/wanita-mywira-accelerator-to-train-100000-women-for-future-ready-jobs</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.nabalunews.com/post/wanita-mywira-accelerator-launched-empowering-over-100-000-women-beyond-2030">https://www.nabalunews.com/post/wanita-mywira-accelerator-launched-empowering-over-100-000-women-beyond-2030</a>	NABALUNEWS.COM	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/announcement/758816">https://www.malaysiakini.com/announcement/758816</a>	MALAYSIAKINI.COM	
	<a href="https://themalaysianreserve.com/2025/10/23/kesuma-talentcorp-launch-wanita-mywira-accelerator-to-empower-100000-women/">https://themalaysianreserve.com/2025/10/23/kesuma-talentcorp-launch-wanita-mywira-accelerator-to-empower-100000-women/</a>	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	<a href="https://vulcanpost.com/prnewswire/malaysia-launches-wanita-mywira-accelerator-empowering-over-100000-women-beyond-2030/">https://vulcanpost.com/prnewswire/malaysia-launches-wanita-mywira-accelerator-empowering-over-100000-women-beyond-2030/</a>	VULCANPOST.COM	
	<a href="https://www.businesstoday.com.my/2025/10/23/govt-rolls-out-rm15-million-scheme-to-train-women-for-ai-and-green-jobs/">https://www.businesstoday.com.my/2025/10/23/govt-rolls-out-rm15-million-scheme-to-train-women-for-ai-and-green-jobs/</a>	BUSINESSTODAY.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>DRAF RUU TRIBUNAL ANTI-BULI DIBENTANG KEPADA KABINET ESOK - AZALINA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462419/draf-ruu-tribunal-anti-buli-dibentang-kepada-kabinet-esok-azalina">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462419/draf-ruu-tribunal-anti-buli-dibentang-kepada-kabinet-esok-azalina</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/758846">https://www.malaysiakini.com/news/758846</a>	MALAYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/753721/berita/nasional/ruu-tribunal-anti-buli-dijangka-selesai-kes-kurang-90-hari---azalina">https://www.sinarharian.com.my/article/753721/berita/nasional/ruu-tribunal-anti-buli-dijangka-selesai-kes-kurang-90-hari---azalina</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2482042">https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2482042</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/23/cabinet-to-get-paper-on-proposed-anti-bullying-tribunal-tomorrow">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/23/cabinet-to-get-paper-on-proposed-anti-bullying-tribunal-tomorrow</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2482071">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2482071</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://barangmurah.my/berita/draf-ruu-tribunal-anti-buli-dibentang-kepada-kabinet-esok-azalina/">https://barangmurah.my/berita/draf-ruu-tribunal-anti-buli-dibentang-kepada-kabinet-esok-azalina/</a>	BARANGMURAH.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279035/ruu-tribunal-anti-buli-dibentang-kepada-kabinet-esok">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279035/ruu-tribunal-anti-buli-dibentang-kepada-kabinet-esok</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/10/23/tribunal-anti-buli-bakal-dimuktamadkan-dalam-mesyuarat-jemaah-menteri-esok/">https://www.tvsarawak.my/2025/10/23/tribunal-anti-buli-bakal-dimuktamadkan-dalam-mesyuarat-jemaah-menteri-esok/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/tribunal-anti-buli-sasar-selesai-kes-60-hingga-90-hari/">https://www.buletintv3.my/nasional/tribunal-anti-buli-sasar-selesai-kes-60-hingga-90-hari/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kertas-cadangan-tribunal-antibuli-dibentang-dalam-mesyuarat-kabinet-esok-azalina-544193">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kertas-cadangan-tribunal-antibuli-dibentang-dalam-mesyuarat-kabinet-esok-azalina-544193</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/23/anti-bullying-tribunal-bill-to-go-before-cabinet-on-friday-says-azalina">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/23/anti-bullying-tribunal-bill-to-go-before-cabinet-on-friday-says-azalina</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>BANJIR DI PERAK: 180 MANGSA DIPINDAHKAN KE 3 PPS</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-di-perak-180-mangsa-dipindahkan-ke-3-pps/">https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-di-perak-180-mangsa-dipindahkan-ke-3-pps/</a>	BULETINTV3.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>15 BUDAK MANGSA PEDOFILIA DALAM KEADAAN SIHAT, SEBAHAGIAN SUDAH DISERAH KEMBALI KEPADA KELUARGA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462362/15-budak-mangsa-pedofilia-dalam-keadaan-sihat-sebahagian-sudah">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462362/15-budak-mangsa-pedofilia-dalam-keadaan-sihat-sebahagian-sudah</a>	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>WANITA BANGLADESH DAKWA 'INI SALAH SUAMI' SELEPAS DITUDUH POTONG KEMALUAN TEMAN LELAKI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1278930/wanita-bangladesh-dakwa-ini-salah-suami-selepas-dituduh-potong-kemaluan-teman">https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1278930/wanita-bangladesh-dakwa-ini-salah-suami-selepas-dituduh-potong-kemaluan-teman</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/10/wanita-bangladesh-berdepan-20-tahun-penjara-didakwa-potong-kemaluan-kekasih/">https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/10/wanita-bangladesh-berdepan-20-tahun-penjara-didakwa-potong-kemaluan-kekasih/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/753696/berita/video-wanita-bangladesh-potong-kemaluan-kekasih-didakwa">https://www.sinarharian.com.my/article/753696/berita/video-wanita-bangladesh-potong-kemaluan-kekasih-didakwa</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/23/in-johor-bangladeshi-woman-charged-in-court-for-allegedly-cutting-off-partners-genitals/195612">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/23/in-johor-bangladeshi-woman-charged-in-court-for-allegedly-cutting-off-partners-genitals/195612</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/23/bangladeshi-woman-charged-with-cutting-off-lovers-genitals">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/23/bangladeshi-woman-charged-with-cutting-off-lovers-genitals</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1300455/bangladeshi-woman-charged-cutting-boyfriends-genitals">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1300455/bangladeshi-woman-charged-cutting-boyfriends-genitals</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=cLFV5TUPsyo">https://www.youtube.com/watch?v=cLFV5TUPsyo</a>	YOUTUBE	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>LELAKI WARGA ASING DITAHAN, AMANG SEKSUAL 2 ANAK SAUDARA</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/23/lelaki-warga-asing-ditahan-amang-seksual-2-anak-saudara/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/23/lelaki-warga-asing-ditahan-amang-seksual-2-anak-saudara/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462348/jaga-mengaku-tak-salah-cabul-budak-lelaki-dalam-kebun-sawit">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462348/jaga-mengaku-tak-salah-cabul-budak-lelaki-dalam-kebun-sawit</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279103/polis-tahan-lelaki-warga-asing-amang-seksual-2-anak-saudara">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279103/polis-tahan-lelaki-warga-asing-amang-seksual-2-anak-saudara</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/753781/berita/semasa/warga-asing-diberkas-cabul-dua-anak-saudara-lelaki">https://www.sinarharian.com.my/article/753781/berita/semasa/warga-asing-diberkas-cabul-dua-anak-saudara-lelaki</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/10/23/lelaki-warga-asing-ditahan-disyaki-cabul-dua-anak-saudara-bawah-umur/">https://malaysiagazette.com/2025/10/23/lelaki-warga-asing-ditahan-disyaki-cabul-dua-anak-saudara-bawah-umur/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/lelaki-warga-asing-ditahan-cabul-dua-anak-saudara/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/lelaki-warga-asing-ditahan-cabul-dua-anak-saudara/</a>	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>DIDENDA RM5,000 CABUL ANAK KAWAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279033/didenda-rm5000-cabul-anak-kawan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279033/didenda-rm5000-cabul-anak-kawan</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/753709/berita/semasa/pekebun-getah-mengaku-cabul-kehormatan-anak-rakan">https://www.sinarharian.com.my/article/753709/berita/semasa/pekebun-getah-mengaku-cabul-kehormatan-anak-rakan</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/23/man-57-fined-rm5000-after-pleading-guilty-to-molesting-teen">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/23/man-57-fined-rm5000-after-pleading-guilty-to-molesting-teen</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>REMAJA MENGAKU ROGOL TEMAN WANITA BAWAH UMUR DI SENAWANG</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462331/remaja-mengaku-rogol-teman-wanita-bawah-umur-di-senawang">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462331/remaja-mengaku-rogol-teman-wanita-bawah-umur-di-senawang</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278983/remaja-mengaku-rogol-teman-wanita-bawah-umur">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278983/remaja-mengaku-rogol-teman-wanita-bawah-umur</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/753723/berita/semasa/remaja-lelaki-mengaku-rogol-teman-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/753723/berita/semasa/remaja-lelaki-mengaku-rogol-teman-wanita</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Wanita MyWira Accelerator perkasa 100,000 wanita menjelang 2030

Nasional - Dicipta: 23 Oktober 2025 02:47 PM



Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong berucap dalam perasmian Wanita MyWira Accelerator di Sime Darby Convention Centre di ibu negara/BERNAMA

**KUALA LUMPUR, 23 Oktober** – Sebanyak 100,000 golongan wanita disasarkan menyertai program Wanita MyWira Accelerator bagi merapatkan jurang gender tenaga kerja, menjelang tahun 2030.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, sejumlah 1,000 wanita akan dilatih di bawah program MyMahir pada tahun pertama, dengan sasaran kadar penempatan kerja sebanyak 80 peratus dalam tempoh enam bulan.

Usaha tersebut turut disokong pelaburan bersama bernilai RM15 juta serta penglibatan 1,000 syarikat yang komited melaksanakan amalan kerja fleksibel dan Program Returnship.

"Kita ingin melangkah lebih jauh daripada sekadar pengecualian dan insentif dengan melaburkan dana secara langsung.

"Di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui Talent Corporation Malaysia Berhad dengan kerjasama Forum Ekonomi Dunia akan memperuntukkan sehingga RM15 juta pada tahun pertama, melalui model pelaburan bersama bagi menampung sebahagian kos gaji dan ini dilakukan dalam fasa 3.0." katanya ketika berucap dalam perasmian Wanita MyWira Accelerator di Sime Darby Convention Centre di sini.

Program berkenaan menjadikan Malaysia sebagai negara ASEAN pertama yang menyertai rangkaian global Gender Parity Accelerator (GPA).

Program tersebut melatih wanita dalam sektor berimpak tinggi seperti kecerdasan buatan (AI) dan tenaga boleh baharu, seiring dengan keperluan ekonomi masa depan.

Inisiatif itu turut disokong Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, selaras dengan Dasar Wanita Negara 2025–2030 dan visi Malaysia MADANI ke arah tenaga kerja yang inklusif dan mesra keluarga.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Draf RUU Tribunal Anti-Buli dibenteng kepada Kabinet esok - Azalina

Oleh Rafiqah Dahali - Oktober 23, 2025 @ 4:48pm



Azalina pada sidang media selepas menyempurnakan program Sesi Town Hall Antibuli: #GenerasiTanpaBuli Peringkat Sabah hari ini. NSTP/RAFIQAH DAHALI

KOTA KINABALU: Perincian dasar dan polisi yang terkandung dalam draf penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Tribunal Anti-Buli dijadualkan akan dibentangkan kepada Kabinet esok sebelum dimuktamadkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata penggubalan RUU terbabit hampir siap sepenuhnya.

"Esok (draf RUU dibentangkan). Apabila Jemaah Menteri bersetuju dengan polisi (dalam draf RUU) itu, bagi peringkat seterusnya adalah (penggubalan lengkap) RUU.

"RUU itu juga hampir siap, namun kita perlu membentangkan (terlebih dulu) dasar umum (yang terkandung dalam RUU).

"Jadi sesi dialog awam (townhall) kita lakukan ini, dengan penyertaan rakyat dan beberapa Kementerian membantu kami menilai sebarang maklum balas.

"Selepas Kabinet meluluskan polisi itu, kita akan berbincang dengan beberapa Ahli Parlimen di luar sana dan menyambung perbincangan umum. Ini pembabit dengan orang ramai, secara tidak langsung," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan program Sesi Town Hall Antibuli: #GenerasiTanpaBuli Peringkat Sabah di sini, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan, Azalina berharap RUU itu dapat dibawa ke persidangan Parlimen pada bulan ini, manakala Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pula dilaporkan memberi tempoh enam bulan kepada Azalina mengemukakan kertas cadangan kepada Jemaah Menteri berhubung penggubalan RUU terbabit.

Sementara itu, Azalina berkata, pihaknya berharap RUU terbabit menjadi jalan penyelesaian kes berkaitan buli yang lebih cepat berbanding proses mahkamah yang mengambil tempoh panjang.

Beliau berkata, tribunal terbabit memainkan peranan sebagai badan separa kehakiman yang mengendalikan kes berkaitan buli.

Katanya, dengan penubuhan tribunal itu, ia tidak mengganggu sistem institusi lain seperti Kementerian Pendidikan (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) atau Kementerian Pertahanan dalam mengendalikan masalah disiplin khususnya yang berhubung kait dengan kes buli.

"Kita cuba menerangkan tribunal ini ialah badan separa kehakiman (quasi judicial). Kita mahu sistem dalam sesebuah institusi itu dijalankan oleh mereka sendiri.

"KPM mempunyai (sistem) mereka sendiri, MARA dan juga Kementerian Pertahanan juga memilikinya. Jadi setiap institusi ini, mereka mempunyai kaedah bagaimana mereka mengendalikan (kes berkaitan) buli dan disiplin.

"Jadi, undang-undang (dalam tribunal) ini tidak mengganggu kewujudan sistem sedia ada, itulah titik permulaannya. Jika terdapat aduan atau siasatan, maka mungkin akan ada keputusan pada peringkat sistem.

"Sebagai contoh, KPM mungkin mempunyai keputusan atau ketetapan mereka sendiri. Maka, tribunal akan berperanan pada peringkat kedua, misalnya bagi kes rayuan atau ketidakpuasan hati terhadap keputusan itu," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Banjir di Perak: 180 mangsa dipindahkan ke 3 PPS

© 23 Oktober 2025, 9:37pm



Foto APM

Oleh: Zulfakhri Shamsul Ariffin

**KUALA LUMPUR:** 180 mangsa daripada 44 keluarga di daerah Manjung dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) selepas kediaman mereka dinaiki air, petang tadi.

Menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perak, setakat jam 9 malam, tiga PPS dibuka bagi menempatkan mangsa yang terjejas akibat banjir kilat di kawasan rendah.

"PPS yang dibuka ialah Dewan Orang Ramai Simpang Halt di Larut, Matang dan Selama, Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Batu di Pantai Remis dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Padang Serai di Pengkalan Baru," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

PPS SK Sungai Batu menempatkan 180 mangsa daripada 44 keluarga, manakala dua lagi PPS masih dalam proses menerima mangsa pemindahan.

Dua PPS di daerah Manjung mula dibuka antara jam 8 hingga 8.30 malam selepas air mula naik di kawasan Kampung Sungai Batu, Kampung Nelayan dan Kampung Padang Serai.



Foto APM

Antara agensi yang terlibat dalam operasi pemindahan ialah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta agensi lain.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) turut mengeluarkan amaran ribut petir dan hujan berterusan di beberapa kawasan di negeri itu, termasuk Manjung serta Larut, Matang dan Selama.

Menurut data JPS, paras air Sungai Kerian di Selama dan Sungai Kurau di Batu Kurau masih di bawah paras amaran, manakala paras air Empangan Bukit Merah berada pada tahap 78.8 peratus kapasiti simpanan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 15 budak mangsa pedofilia dalam keadaan sihat, sebahagian sudah diserahkan kembali kepada keluarga

Mary Victoria Dass - Oktober 23, 2025 @ 3:18pm

'Dark web' jual kandungan lucah bayi, kanak-kanak mungkin ada jaringan antarabangsa - Bukit Aman

Dari: Utusan Online - 4 September 2025 @ 9:09am



Laporan BH Online bertarikh 4 September 2025 berikutan sindiket penjualan kandungan pornografi bayi dan kanak-kanak menerusi aplikasi Telegram serta 'dark web'.

JOHOR BAHRU: Kesemua 15 mangsa **pedofilia** semuda usia bayi hingga lima tahun yang berjaya diselamatkan pihak berkuasa di negeri ini, baru-baru ini, disahkan dalam keadaan sihat.

Perkembangan itu dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Khairin-Nisa Ismail sambil menambah selepas diselamatkan, mereka termasuk lima yang diselamatkan di Pasir Gudang, diberi perlindungan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh tertentu menerusi perintah mahkamah.

Bagi mangsa yang memiliki keluarga, katanya, mereka sudah kembali bersama ibu bapa masing-masing dan di bawah pemantauan JKJ, manakala bagi sesetengah kanak-kanak tiada dokumen lengkap serta maklumat berkaitan ibu mahupun bapa kandung, keluarga masing-masing sedang dikesan oleh jabatan berkenaan.

"Dalam situasi itu, JKJ masih mengumpul maklumat sesuai bagi mengesan keluarga mereka supaya dapat membincangkan masa depan kanak-kanak ini. Ketika di bawah penjagaan JKJ, semua dalam keadaan sihat, baik dan tiada sebarang masalah," katanya ketika dihubungi.



Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor bergambar kenangan bersama Khairin-Nisa Ismail (depan dua dari kanan) dan jemputan lain selepas sesi perbincangan isu perlindungan kanak-kanak, semalam. - Foto ihsan Khairin-Nisa Ismail

Beliau berkata, pihaknya turut mengadakan sesi perbincangan dengan Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail dan Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor, di sini semalam, bertumpu kepada isu perlindungan kanak-kanak.



Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor bergambar kenangan bersama Khairin-Nisa Ismail (depan dua dari kanan) dan jemputan lain selepas sesi perbincangan isu perlindungan kanak-kanak, semalam. - Foto ihsan Khairin-Nisa Ismail

"Kerajaan negeri tidak berkompromi dengan isu membabitkan kanak-kanak, semua pihak seharusnya memainkan peranan masing-masing," katanya.

Terdahulu pada 29 Ogos lalu, media mendedahkan modus operandi sebuah sindiket yang berjanji mahu menjadikan bayi sebagai anak angkat, namun akhirnya bayi yang baru dilahirkan dipisahkan daripada ibu kandung sebelum dijadikan mangsa pemuas nafsu dan 'model' kandungan lucah.

Perbuatan seorang lelaki pedofilia berusia 29 tahun terbongkar apabila dia ditahan polis dalam operasi khas Op Pedo antara 19 Julai hingga 19 Ogos lalu.

Awalnya, tiga kanak-kanak berusia lima hingga tujuh tahun dikenal pasti menjadi mangsa suspek sebelum polis kemudian menemui puluhan rakaman video dan ratusan gambar bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dalam telefon bimbit lelaki berkenaan.

Suspek yang juga juruteknik menggunakan bayi dan kanak-kanak bagi tujuan rakaman adegan lucah dan seksual sebelum dimuat naik dalam *darkweb* dan aplikasi sembang Telegram. Modus operandi adalah mengiklankan di Facebook, kononnya dia mencari bayi untuk dijadikan anak angkat.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Wanita Bangladesh dakwa 'ini salah suami' selepas dituduh potong kemaluan teman lelaki

Izz Lally Hussein  
am@metro.com.my



WANITA warga Bangladesh, Begum Masuma, 34, yang sebelum ini ditahan selepas disyaki memotong kemaluan teman lelakinya, dua minggu lalu, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, hari ini. FOTO Izz Lally Hussein

Johor Bahru: Wanita warga Bangladesh yang sebelum ini ditahan selepas disyaki memotong kemaluan teman lelakinya, dua minggu lalu, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Tertuduh, Begum Masuma, 34, pada mulanya mengaku bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagaimanapun, pengakuan bersalah tertuduh tidak diterima mahkamah kerana ia dibuat dengan bersyarat serta tertuduh hanya memahami sedikit sahaja pertuduhan itu.

"Faham sikit-sikit. Ini salah 'suami'," kata tertuduh.

Berdasarkan kertas pertuduhan, wanita itu didakwa dengan sengaja menyebabkan cedera parah ke atas seorang lelaki, Babu Mondol, 33, dengan menggunakan sebilah pisau iaitu satu senjata yang boleh menyebabkan kematian jika digunakan sebagai senjata salah.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah dekat kawasan setinggan belakang sebuah kilang di Gelang Patah di sini, kira-kira jam 1 pagi, 8 Oktober lalu.

Bagi perbuatan itu, tertuduh yang bekerja sebagai operator pengeluaran di sebuah kilang didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara boleh sampai 20 tahun dan hendaklah dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Zuhainie Zull Kafli memberitahu mahkamah kesalahan di bawah seksyen berkenaan adalah tidak boleh dijamin dan pihaknya juga tidak akan mencadangkan sebarang ikat jamin atas tiga alasan.

"Tertuduh adalah warga asing dan dituduh di Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas tuduhan tidak mempunyai sebarang dokumen sah untuk memasuki Malaysia.

"Ini juga kesalahan serius kerana mendatangkan cedera parah pada mangsa yang juga teman lelakinya dan mereka berdua tinggal serumah," katanya.

Mahkamah kemudian tidak membenarkan sebarang jaminan dan menetapkan 11 November depan untuk sebutan semula kes bagi mendapatkan perkhidmatan jurubahasa Bangladesh.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret di sini, tertuduh didakwa sebagai seorang bukan warga Malaysia didapati tidak memiliki apa-apa pas yang sah yang dikeluarkan mengikut undang-undang kepadanya untuk masuk ke negara ini.

Ia dilakukan di perkarangan Balai Polis Gelang Patah di sini, kira-kira jam 12.15 tengah hari, tarikh yang sama dan bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa melanggar peruntukan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 6 (3) akta sama.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Majistret Atifah Hazimah Wahab turut menolak pengakuan bersalah dibuat tertuduh kerana wanita itu dilihat seperti tidak memahami pertuduhan yang dibacakan jurubahasa terhadapnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Fatimah Mohd Nizam dan kes juga akan disebut semula pada 11 November depan bagi mendapatkan khidmat jurubahasa Bangladesh.

Pada 9 Oktober lalu, media melaporkan seorang wanita warga Bangladesh ditahan polis selepas bertindak kejam memotong kemaluan teman lelakinya akibat cemburu apabila mengetahui lelaki itu masih mempunyai isteri di negara asal.

Disiarkan pada: Oktober 23, 2025 @ 1:15pm

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Lelaki warga asing ditahan, amang seksual 2 anak saudara

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD 23 Oktober 2025, 7:02 pm

SUBANG JAYA – Polis menahan seorang lelaki warga asing selepas disyaki melakukan perbuatan amang seksual fizikal terhadap dua kanak-kanak lelaki bawah umur yang juga anak saudaranya sendiri.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, suspek berusia lingkungan 40-an itu ditahan pada semalam selepas polis menerima laporan kira-kira pukul 3 petang daripada bapa kepada mangsa.

“Pengadu dimaklumkan oleh anaknya mengenai kejadian yang dipercayai berlaku pada tahun 2023 di sebuah rumah di USJ 9, Subang Jaya,” katanya dalam kenyataan hari ini. Menurut beliau, hasil siasatan awal mendapati suspek telah memujuk dua beradik berkenaan masuk ke biliknya di tingkat atas sebelum melakukan perbuatan amang seksual fizikal terhadap mereka.

“Kejadian itu dipercayai berlaku lebih daripada sekali. Kedua-dua mangsa tidak mendedahkan perkara tersebut lebih awal kerana berasa takut dan tidak menyedari bahawa perbuatan itu merupakan satu kesalahan,” jelasnya.

Wan Azlan berkata, suspek kini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan lanjut mengikut Seksyen 377A Kanun Keseksaan dan Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

